



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **ANJUNG KASIH YKN SEDIA PENGINAPAN SEMENTARA UNTUK KELUARGA KURANG KEMAMPUAN DI HOSPITAL KERAJAAN**

**SEBERANG JAYA, 17 JULAI** - Perasmian Anjung Kasih YKN Hospital Seberang Jaya Pulau Pinang telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan Malaysia. Turut hadir, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Razman M. Hashim, Timbalan Pengerusi Kumpulan Sunway, YB Dr. Hajah Norlela Bt Ariffin, Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN dan YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Anjung Kasih YKN Hospital Seberang Jaya Pulau Pinang ini telah mula beroperasi pada Julai 2022 dan mendapat tajaan daripada Kumpulan Sunway iaitu rakan strategik Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Kumpulan Sunway menerusi Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) mereka telah menaja sepenuhnya kerja-kerja menaiktaraf bangunan, kelengkapan perabot dan kemudahan fasiliti Anjung Kasih YKN ini dengan nilai tajaan berjumlah RM1juta.

Kumpulan Sunway yang merupakan sebuah syarikat konglomerat berkolaborasi dengan YKN sejak tahun 2007 telah menyumbang dan bekerjasama dalam pelbagai program dan aktiviti YKN. Di samping penajaan Anjung Kasih YKN di Hospital Seberang Jaya ini, Kumpulan Sunway juga telah menyumbang dalam beberapa siri program penajaan dana dan sumbangan bakul makanan kepada kumpulan sasaran termasuk penghuni di Anjung Singgah YKN setiap tahun. Sumbangan daripada Sunway merangkumi pelbagai golongan sasaran kementerian dalam usaha membantu mereka yang memerlukan.

Anjung Kasih YKN merupakan penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan khususnya ahli keluarga pesakit yang tidak berkemampuan namun mempunyai keperluan untuk menjaga pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan. Perkhidmatan Anjung Kasih YKN ini menekankan konsep selesa, selamat dan berkualiti demi memastikan kebajikan kumpulan sasar ini terjamin. Sehingga Mei 2023, perkhidmatan Anjung Kasih ini telah dimanfaatkan seramai 89,864 orang waris pesakit daripada 18 buah Anjung Kasih YKN di seluruh negara.

YKN yang merupakan satu yayasan di bawah KPWKM mengalu-alukan syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan untuk bekerjasama bagi memperluas perkhidmatan Anjung Kasih YKN di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara. Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank atas nama YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA seperti berikut :

**ALLIANCE ISLAMIC BANK**

**160140010004801**

**MAYBANK ISLAMIC BANK BERHAD**

**568621012284**

**####**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT**

**17 JULAI 2023**

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **SENARAI ANJUNG KASIH YKN**

<b>BIL</b>	<b>ANJUNG KASIH YKN</b>	<b>TAJAJAN KORPORAT / NGO</b>	<b>RM</b>
1	Hospital Selayang, Selangor	-	-
2	Hospital Sultan Ahmad Shah, Temerloh Pahang	-	-
3	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan Pahang	-	-
4	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh Perak	-	-
5	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban Negeri Sembilan	-	-
6	Hospital Sibul, Sarawak	-	-
7	Hospital Miri, Sarawak	-	-
8	Hospital Pulau Pinang	-	-
9	Hospital Tuanku Fauziah, Kangar Perlis	-	-
10	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah	-	-
11	Hospital Sultanah Aminah, Johor	-	-

12	Hospital Bera, Pahang	-	-
13	Hospital Cyberjaya, Selangor	-	-
14	Hospital Umum Sarawak	Rotary Club Kuching	RM 500,000.00
15	Hospital Melaka	Tenaga Nasional Berhad	RM 1,189,200.00
16	Hospital Serdang, Selangor	Tenaga Nasional Berhad	RM 1,199,460.00
17	Hospital Dutchess of Kent, Sandakan Sabah	Petronas	RM 1,003,500.00
18	Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang	Sunway	RM 1,000,000.00
19	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu Kelantan	Tenaga Nasional Berhad	RM 1,500,000.00